

14 DEC 1999

Kabinet-Sumpah

DR MAHATHIR KETUAI KABINET ANGKAT SUMPAAH

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengetuai barisan anggota kabinet dan timbalan-timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Upacara itu diadakan di Balairong Seri Istana Negara dan disiarkan secara langsung oleh RTM.

Yang turut berangkat ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Pada pilihan raya umum 29 Nov lepas, Barisan Nasional memenangi 148 daripada 193 kerusi parlimen.

Majlis penuh istiadat itu dimulakan dengan penerimaan suratcara pelantikan oleh Dr Mahathir.

Beliau melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia dan kemudian menandatangani dokumen rasmi pelantikan yang disaksi dan disahkan oleh Ketua Hakim Negara Tun Mohd Eusoff Chin.

Selepas itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima suratcara pelantikan dan kemudiannya melafazkan sumpah jawatan dan taat setia serta menandatangani dokumen berkenaan.

Acara penyerahan suratcara pelantikan dan melafaz sumpah jawatan dan taat setia bagi menteri dan timbalan menteri pula dijalankan secara berkumpulan antara empat dan lima orang.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Endon Mahmood dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Senarai kabinet dan anggota pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru itu diumumkan Dr Mahathir pada Jumaat lepas. Ia meliputi 28 portfolio dan menyaksikan pelantikan sembilan menteri baru.

Mereka ialah Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Rais Yatim, kedua-duanya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Fong Chan Onn (Sumber Manusia), Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Datuk Nazri Abdul Aziz (Pembangunan Usahawan), Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Belia dan Sukan), Datuk Effendi Norwawi (Pertanian), Datuk Azmi Khalid (Pembangunan Luar Bandar) dan Tan Sri Musa Mohamad (Pendidikan).

Musa mengangkat sumpah sebagai senator semalam bersama-sama Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pelantikan mereka sebagai senator, bagi tempoh tiga tahun berkuatkuasa 11 Dis, ialah bagi membolehkan mereka memegang jawatan masing-masing dalam Kabinet.

Selepas upacara mengangkat sumpah yang mengambil masa dua jam itu, Sultan Salahuddin menyertai Dr Mahathir serta anggota-anggota Kabinet serta timbalan-timbalan menteri untuk sesi bergambar.

Seri Paduka juga meluangkan masa beramah mesra dengan mereka.

-- BERNAMA

HS ARA MAI